



SOALAN-SOALAN LAZIM
SYARAT-SYARAT MASUK DAN KELUAR NEGARA BAGI
PERJALANAN UDARA, DARAT & LAUT
BRUNEI DARUSSALAM

PERJALANAN MASUK KE NEGARA BRUNEI DARUSSALAM		
SYARAT-SYARAT SEBELUM BERLEPAS		MUKA SURAT
A.1	Tujuan Perjalanan	2
A.2	Vaksinasi COVID-19	2 – 3
A.3	Ujian COVID-19	3
A.4	Kebenaran "Entry Travel Pass"	3 – 4
A.5	Borang Deklarasi Ketibaan E-Health	4
A.6	Transit/Transfer	4
A.7	Visa	5
PROSEDUR SETELAH KETIBAAN		MUKA SURAT
B.1	Vaksinasi COVID-19	6 – 7
B.2	Pengasingan Diri Mandatori	7
B.3	Pengangkutan	7
B.4	Semasa Berada di Negara Brunei Darussalam	7 – 8
PERJALANAN KELUAR NEGARA BRUNEI DARUSSALAM		
SYARAT-SYARAT PERJALANAN KELUAR NEGARA		MUKA SURAT
C.1	Tujuan Perjalanan	9
C.2	Vaksinasi COVID-19	9 – 10
C.3	Ujian COVID-19	10
C.4	Kebenaran "Exit Approval"	11
C.5	Pendaftaran E-Register	12
SYARAT-SYARAT LAIN		MUKA SURAT
D.1	Insuran Perubatan Perjalanan Yang Meliputi Perlindungan COVID-19	13 – 15
D.2	Dokumen	15
D.3	"Transport Operators"	15
D.4	Lain-lain	16

SYARAT-SYARAT SEBELUM BERLEPAS

A.1 TUJUAN PERJALANAN

A.1.1 Adakah saya dibenarkan untuk membuat perjalanan bukan mustahak ("non-essential") ke Negara Brunei Darussalam?

Perjalanan Udara

Ya, individu adalah dibenarkan untuk memasuki Negara Brunei Darussalam melalui udara bagi tujuan bukan mustahak ("non-essential").

Perjalanan Darat & Laut

Tidak, perjalanan rentas sempadan melalui darat dan laut hanya dibenarkan bagi perjalanan-perjalanan mustahak seperti yang disenaraikan berikut:

- Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan membuat perjalanan darat dan laut bagi keadaan atau tujuan yang mendesak.
- Atas urusan pekerjaan, atau persekolahan dan dilartakan juga kepada perjalanan ulang alik (*commute*) atas tujuan tersebut.
- Perjalanan transit.
- Perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera).
- Transport operators* yang berdaftar di dalam dan luar negara bagi tujuan penghantaran bekalan impot dan eksport yang penting.
- Krew/petugas kapal laut yang membuat perjalanan laut atas urusan pekerjaan/mustahak.

A.2 VAKSINASI COVID-19

A.2.1 Apakah syarat vaksinasi COVID-19 bagi perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam?

Perjalanan Udara

Perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam hanya dibenarkan bagi individu yang lengkap divaksinasi:

- Untuk dianggap lengkap divaksinasi, individu hendaklah melengkapkan regimen penuh bagi vaksinasi COVID-19 di bawah *WHO Emergency Use Listing* (1 dos bagi jenama Johnson & Johnson vaksin, 2 dos bagi vaksin-vaksin jenama lain) dalam tempoh 3 bulan kebelakangan ATAU mendapatkan dos penggalak.
- Disebabkan liputan dos penggalak yang berbeza di seluruh dunia, pelaksanaan syarat vaksinasi yang tersebut di atas diberikan tempoh tangguh ("*grace period*") selama 6 bulan yang mana **tarikh berkuatkuasa adalah 1 November 2022**.
- Oleh itu, bagi ketibaan di Negara Brunei Darussalam sehingga 31 Oktober 2022, jam 23:59, individu dibenarkan untuk membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam jika telah melengkapkan regimen penuh vaksinasi COVID-19 di bawah *WHO Emergency Use Listing*.

Individu di bawah 18 tahun tidak diperlukan untuk memenuhi syarat vaksinasi yang tersebut di atas.

Perjalanan Darat & Laut

Status vaksinasi COVID-19 tidak dipersyaratkan bagi perjalanan-perjalanan mustahak yang dikategorikan.

A.2.2 Saya telah lengkap divaksinasi. Walau bagaimanapun, anak-anak saya belum lengkap divaksinasi. Bolehkah mereka membuat perjalanan bersama-sama saya?

Perjalanan Udara, Darat & Laut

Ya, kanak-kanak yang belum lengkap divaksinasi adalah dibenarkan untuk membuat perjalanan bersama-sama individu-individu yang lengkap divaksinasi. Mereka akan mengikut protokol bagi individu yang lengkap divaksinasi.

A.2.3 Adakah individu-individu yang tidak boleh divaksinasi atas sebab perubatan dibenarkan untuk membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam?

Perjalanan Udara

Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam adalah dibenarkan untuk kembali ke Negara Brunei Darussalam, tanpa mengira status vaksinasi COVID-19.

Walau bagaimanapun, rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam (tanpa mengira status vaksinasi) dibenarkan untuk kembali ke negara ini.

Perjalanan Darat & Laut

Status vaksinasi COVID-19 tidak dipersyaratkan bagi perjalanan-perjalanan mustahak yang dikategorikan.

A.2.4 Saya telah pulih sepenuhnya daripada COVID-19. Bilakah saya dapat membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam?

Perjalanan Udara, Darat & Laut

Ya, individu yang telah pulih sepenuhnya daripada COVID-19 adalah dibenarkan untuk membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam dengan syarat mereka mesti mematuhi syarat-syarat kemasukan bagi perjalanan udara, darat dan laut sepertimana lazimnya.

A.2.5 Saya telah divaksinasi dengan vaksinasi COVID-19 yang tidak disenaraikan dalam 'WHO Emergency EU Listing'. Adakah saya dibenarkan untuk membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam?

Perjalanan Udara

Pada ketika ini, hanya individu yang telah lengkap divaksinasi dengan vaksinasi COVID-19 yang tersenarai dalam 'WHO Emergency Use Listing' dibenarkan untuk membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, awda bolehlah membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam melalui protokol "*unvaccinated traveler protocol*".

Perjalanan Darat & Laut

Status vaksinasi COVID-19 tidak dipersyaratkan bagi perjalanan-perjalanan mustahak yang dikategorikan.

A.3

UJIAN COVID-19

A.3.1 Adakah individu dikehendaki untuk menjalani ujian COVID-19 sebelum memasuki Negara Brunei Darussalam?

Perjalanan Udara, Darat & Laut

Bagi ketibaan di Negara Brunei Darussalam melalui udara, darat dan laut mulai 15 Jun 2022, individu adalah tidak lagi dikehendaki untuk menjalani ujian COVID-19 sebelum berlepas.

A.3.2 Adakah individu dikehendaki untuk membuat pembayaran bagi ujian COVID-19 yang akan dijalankan setelah ketibaan sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam?

Perjalanan Udara, Darat & Laut

Bagi ketibaan di Negara Brunei Darussalam melalui udara, darat dan laut mulai 15 Jun 2022:

- Individu yang lengkap divaksinasi adalah tidak lagi dikehendaki untuk menjalani ujian COVID-19 setelah ketibaan. Maka, mereka tidak diperlukan untuk membuat pembayaran bagi ujian COVID-19.
- Hanya individu yang belum lengkap divaksinasi dikehendaki untuk menjalani ujian COVID-19 iaitu ujian ART pada Hari Ketibaan (Hari Ke-1) dan ujian RT-PCR pada Hari Ke-3. Sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam, pembayaran secara online bagi ujian COVID-19 yang dijalankan setelah ketibaan bolehlah dibuat melalui: www.healthinfo.gov.bn/travel
- Kos pembayaran bagi ujian COVID-19 setelah ketibaan adalah BND\$100.00

A.4

"ENTRY TRAVEL PASS"

A.4.1 Adakah saya dikehendaki untuk mendapatkan "Entry Travel Pass" untuk memasuki Negara Brunei Darussalam?

Perjalanan Udara

Individu tidak lagi dikehendaki untuk mendapatkan "Entry Travel Pass" sebelum memasuki Negara Brunei Darussalam melalui perjalanan udara:

Perjalanan Darat & Laut

Individu-individu atau kategori perjalanan yang memerlukan "Entry Travel Pass" sebelum memasuki Negara Brunei Darussalam melalui darat & laut adalah disenaraikan di bawah:

Warganegara asing yang akan memasuki Negara Brunei Darussalam bagi tujuan berikut dan memerlukan visa/pas imigresen:

- Urusan mustahak / bisnes / rasmi
- Atas urusan persekolahan atau pekerjaan dan perjalanan ulang alik (*commute*) atas tujuan tersebut.
- Perkhidmatan rawatan perubatan
- Sebab-sebab kepentingan keluarga
- Keadaan/Tujuan mendesak

A.4.2 Bagaimana cara menghadapkan permohonan bagi *Entry Travel Pass* (ETP)?

Perjalanan Darat & Laut

Permohonan *Entry Travel Pass* (ETP) bagi perjalanan rentas sempadan melalui darat & laut hendaklah dihadapkan ke Jabatan Perdana Menteri melalui laman portal: www.pmo.gov.bn/travelportal.

Permohonan hendaklah dihadapkan sekurang-kurangnya 8 hari bekerja sebelum tarikh perjalanan. Sila pilih borang permohonan yang berkenaan dan memuatnaik dokumen-dokumen sokongan. Setiap permohonan akan diberikan kod rujukan dan keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui emel pemohon.

A.5 BORANG DEKLARASI KETIBAAN E-HEALTH

A.5.1 Bagaimanakah saya menghadapkan Borang Deklarasi Ketibaan E-Health?

Perjalanan Udara, Darat & Laut

Sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam, awda boleh melengkapkan dan menghadapkan Borang Deklarasi Ketibaan E-Health melalui: www.healthinfo.gov.bn/travel

A.6 TRANSIT/TRANSFER

A.6.1 Adakah penumpang dibolehkan untuk membuat perjalanan "transit/transfer" melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) menuju ke negara destinasi?

Perjalanan Udara

Penumpang-penumpang yang hendak membuat perjalanan "transit/transfer" melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei menuju ke negara destinasi adalah dibenarkan. Penumpang-penumpang "transit/transfer" berkenaan adalah dikehendaki untuk:

- (i). Lengkap divaksinasi;
- (ii). Mematuhi syarat-syarat lain yang ditetapkan oleh negara destinasi.

A.6.2 Are transit/transfer passengers allowed to leave the airport while transiting through the Brunei International Airport?

Perjalanan Udara

Tidak, penumpang "transit/transfer" tidak dibenarkan untuk meninggalkan Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei (LTAB) semasa membuat perjalanan transit melalui lapangan terbang menuju ke negara destinasi.

A.6.3 Adakah individu dibenarkan untuk membuat perjalanan transit melalui darat dan laut?

Perjalanan Darat & Laut

Individu adalah dibenarkan untuk membuat perjalanan transit melalui darat dan laut atas tujuan mustahak.

A.7.1 Adakah individu dikehendaki untuk membuat permohonan bagi Visa untuk memasuki Negara Brunei Darussalam?

Mana-mana warganegara asing yang dipersyaratkan untuk mendapatkan Visa Kemasukan untuk kemasukan ke Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk mendapatkan Visa yang bersesuaian terlebih dahulu seperti Visa Bekerja, Visa Tanggungan, Visa Lawatan, Visa Lawatan Profesional dan Visa Bisnes selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa pada lazimnya.

TUJUAN MASUK	SYARAT VISA
Bertugas	Ya, visa diperlukan kecuali bagi warganegara Malaysia dan Singapura **Warganegara Malaysia dan Singapura dikehendaki untuk mendapatkan surat kebenaran bertugas yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan
Lawatan professional atau bisnes	Ya
Tanggungan	Ya, visa diperlukan kecuali bagi warganegara Malaysia dan Singapura. **Warganegara Malaysia dan Singapura dikehendaki untuk mendapatkan surat kebenaran tanggungan yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan
Penuntut	Ya
Lawatan sosial	Visa diperlukan jika warganegara berkenaan bukan daripada negara-negara yang dikecualikan dari Visa.

A.7.2 Berapa lamakah pelawat sosial ("social visitor") dibenarkan untuk berada di Negara Brunei Darussalam?

Mereka dibenarkan untuk berada di Negara Brunei Darussalam mengikut tempoh sah laku pas yang telah dibenarkan dalam passport.

A.7.3 Bolehkah pelawat memohon untuk memanjangkan tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam?

Pelawat bolehlah menghadapkan permohonan bagi memanjangkan tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam. Walau bagaimanapun, ini adalah tertakluk kepada penilaian lanjut oleh autoriti-autoriti berkenaan.

Pelawat adalah dinasihatkan untuk merujuk kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi permintaan untuk memanjangkan tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam.

A.7.4 Bagaimanakah cara memohon Visa?

Dengan situasi COVID-19 yang sentiasa berubah, individu adalah dinasihatkan untuk mengikuti perkembangan mengenai maklumat perkhidmatan kaunter dari masa ke semasa di laman sesawang Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan: www.immigration.gov.bn

A.7.5 Adakah warganegara Malaysia dan Singapura memerlukan Visa Masuk Semula ("Re-entry Visa")?

Warganegara Malaysia dan Singapura tidak memerlukan Visa masuk semula ("Re-entry Visa"). Walau bagaimanapun, mereka dikehendaki untuk menghadapkan permohonan kepada Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan bagi memanjangkan tempoh pas imigresen (jika telah mansuh) sebaik sahaja mereka masuk semula ke Negara Brunei Darussalam.

Mana-mana warganegara asing yang menetap di negara ini samada di bawah jaminan pas kerja, pas lawatan (sosial, professional dan perniagaan), pas penuntut ataupun pas tanggungan, yang berhasrat untuk keluar negara secara sementara dan masuk semula ke Negara Brunei Darussalam, maka mereka adalah dikehendaki untuk mendapatkan visa masuk semula (Re-Entry Visa) sebelum tarikh perjalanan keluar negara. Syarat ini adalah khusus bagi warga asing yang mana kerakyatannya dipersyaratkan untuk mendapatkan visa masuk semula.

PROSEDUR SETELAH KETIBAAN

B.1	VAKSINASI COVID-19
B.1.1	Adakah saya dikehendaki untuk menjalani ujian COVID-19 setelah ketibaan?
	Perjalanan Udara, Darat & Laut
	Bagi ketibaan di Negara Brunei Darussalam melalui udara, darat dan laut mulai 15 Jun 2022: <ul style="list-style-type: none">• Individu yang lengkap divaksinasi adalah <u>tidak lagi dikehendaki</u> untuk menjalani ujian COVID-19 setelah ketibaan. Oleh itu, individu yang lengkap divaksinasi tidak diperlukan untuk membuat pembayaran bagi ujian COVID-19.• Hanya individu yang belum lengkap divaksinasi dikehendaki untuk menjalani ujian ART pada Hari Ketibaan (Hari Ke-1) dan ujian RT-PCR pada Hari Ke-3. Mereka dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri mandatori di rumah kediaman atau hotel penginapan sehingga menerima keputusan negatif bagi ujian RT-PCR yang dilakukan pada Hari Ke-3. Ujian RT-PCR boleh dijalankan di pusat klinik yang memberikan perkhidmatan ujian RT-PCR, yang mana boleh didapati melalui pautan: https://www.pmo.gov.bn/EPG/Perjalanan.aspx
	Nota: Bagi perjalanan rentas sempadan melalui darat dan laut, ujian COVID-19 setelah ketibaan tidak diperlukan bagi individu-individu yang membuat perjalanan atas urusan pekerjaan, atau persekolahan dan perjalanan ulang alik (commute) atas tujuan tersebut, perjalanan transit dan perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera).
B.1.2	Bagaimana cara membuat pembayaran bagi ujian COVID-19 setelah ketibaan?
	Perjalanan Udara, Darat & Laut
	Bagi ketibaan di Negara Brunei Darussalam melalui udara, darat & laut mulai 15 Jun 2022: <ul style="list-style-type: none">• Hanya individu yang belum lengkap divaksinasi dikehendaki untuk menjalani ujian ART pada Hari Ketibaan (Hari Ke-1) dan ujian RT-PCR pada Hari Ke-3. Pembayaran secara dalam talian bagi ujian COVID-19 setelah ketibaan yang mana kos pembayaran adalah BND\$100.00 bolehlah dibuat melalui: www.healthinfo.gov.bn/travel
B.1.3	Adakah ART kit akan diberikan kepada individu semasa ketibaan atau adakah mereka diperlukan untuk membeli ART kit sebelum tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei atau pos kawalan darat/laut?
	Perjalanan Udara
	Bagi individu yang belum lengkap divaksinasi dan diperlukan untuk menjalani ujian COVID-19 setelah ketibaan, ART kit adakan diberikan semasa ketibaan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei.
	Perjalanan Darat & Laut
	Bagi individu yang belum lengkap divaksinasi dan diperlukan untuk menjalani ujian COVID-19 setelah ketibaan, ART kit adakan diberikan semasa ketibaan di pos kawalan darat/laut.
B.1.4	Bagaimana individu yang belum lengkap divaksinasi menerima keputusan bagi ujian COVID-19 setelah ketibaan?
	Keputusan bagi ujian COVID-19 setelah ketibaan akan diterima melalui SMS. Keputusan berkenaan bolehlah didapati melalui aplikasi BruHealth.
B.1.5	Saya tidak mempunyai nombor Bru-HIMS (<i>Brunei Healthcare Information Management System</i>) dan sebagai individu yang belum lengkap divaksinasi, saya dikehendaki untuk menjalani ujian RT-PCR pada Hari Ke- 3 yang mana memerlukan nombor Bru-HIMS. Bagaimanakah cara mendaftar bagi mendapatkan nombor Bru-HIMS?
	Jika individu belum mempunyai nombor Bru-HIMS (<i>Brunei Darussalam Healthcare Information and Management System</i>) yang mana diperlukan untuk menjalani ujian RT-PCR setelah ketibaan di Negara Brunei Darussalam, pendaftaran bagi Bru-HIMS bolehlah dibuat oleh fokal atau penaja ("sponsor") bagi pihak individu tersebut di Klinik Kesihatan Kerajaan ataupun Hospital Kerajaan di Negara Brunei Darussalam.
B.1.6	Apa yang harus dilakukan jika individu tidak menerima keputusan ujian RT-PCR yang dijalankan setelah ketibaan melalui SMS?

Keputusan bagi ujian RT-PCR akan diterima melalui SMS. Keputusan ujian juga boleh didapati melalui aplikasi BruHealth. Jika awda mengalami sebarang isu, sila hubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 untuk mendapatkan bantuan.

B.1.7 Apakah yang perlu dilakukan jika individu disahkan positif COVID-19?

Jika individu disahkan COVID-19 positif, mereka adalah dikehendaki untuk menjalani pengasingan diri di rumah kediaman atau hotel penginapan selaras dengan protokol kesihatan sepertimana lazimnya.

B.1.8 Saya adalah warga perkhidmatan awam yang kembali ke Negara Brunei Darussalam setelah membuat perjalanan bagi tujuan rasmi yang ditanggung oleh Kerajaan. Adakah saya dikehendaki untuk membuat pembayaran bagi ujian COVID-19 setelah ketibaan?

Warga perkhidmatan awam yang kembali ke Negara Brunei Darussalam setelah membuat perjalanan bagi tujuan rasmi yang ditanggung oleh Kerajaan dikecualikan dari diperlukan untuk membayar ujian COVID-19 yang akan dijalankan setelah ketibaan.

Individu hendaklah menunjukkan dokumen sokongan yang sah yang menyatakan mereka membuat perjalanan rasmi yang ditanggung pihak kerajaan.

B.2

PENGASINGAN DIRI MANDATORI

B.2.1 Dimanakah saya perlu menjalani pengasingan mandatori setelah tiba di Negara Brunei Darussalam?

Individu yang belum lengkap divaksinasi bolehlah menjalani pengasingan diri mandatori di rumah kediaman atau hotel penginapan.

B.2.1 Saya telah membuat tempahan bagi hotel penginapan untuk menjalani pengasingan diri mandatori (diperlukan bagi individu yang belum lengkap divaksinasi). Bolehkah saya membatalkan tempahan tersebut dan menjalani pengasingan diri mandatori di tempat kediaman?

Ya, awda bolehlah membatalkan tempahan awda. Sila hubungi Hotel atau Agensi Tempahan bagi meneruskan pembatalan.

B.3

PENGANGKUTAN

B.3.1 Adakah saya dibenarkan untuk menggunakan pengangkutan awam semasa berada di Negara Brunei Darussalam?

Ya, awda bolehlah menggunakan pengangkutan awam semasa berada di Negara Brunei Darussalam.

Walau bagaimanapun, individu yang belum lengkap divaksinasi tidak dibenarkan untuk menggunakan pengangkutan awam jika mereka sedang menjalani pengasingan diri mandatori. Mereka bolehlah menggunakan pengangkutan awam setelah menamatkan pengasingan diri mandatori.

B.4

SEMASA BERADA DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

B.4.1 Apakah protokol kesihatan yang perlu individu patuhi semasa berada di Negara Brunei Darussalam?

Semasa berada di Negara Brunei Darussalam, individu mesti mematuhi langkah-langkah kesihatan awam sepertimana lazimnya, termasuk keperluan pemakaian sungkup muka dan juga sebarang langkah-langkah pencegahan COVID-19 yang berkaitan dengan aktiviti yang mereka sertai atau tempat-tempat yang mereka lawati di Negara Brunei Darussalam.

B.4.2 Saya merasa kurang sihat dan mungkin memerlukan penilaian perubatan. Klinik atau pusat kesihatan manakah yang boleh saya lawati semasa berada di Negara Brunei Darussalam?

Individu-individu yang memasuki Negara Brunei Darussalam dan mengalami masalah kesihatan ketika menjalani tempoh pengasingan diri dan memerlukan penilaian perubatan bolehlah datang ke mana-mana klinik / pusat kesihatan seperti yang disenaraikan di bawah. Individu-individu hendaklah mematuhi kesemua syarat-syarat berikut apabila membuat lawatan ke klinik / pusat kesihatan:-

- Menunjukkan kod BruHealth dan memberikan nombor BruHIMS di tempat pendaftaran
- Mengisytiharkan diri sebagai pengembara
- Menggunakan sungkup muka
- Mengamalkan penjarakan sosial
- Membawa wang tunai (Ringgit Brunei) untuk pembayaran
- Membawa pasport ataupun kad pengenalan

Daerah Brunei Muara - Pusat Kesihatan Berakas / Pusat Kesihatan Pengkalan Batu

Daerah Tutong - Klinik Sungai Kelugos

Daerah Belait - SARI, Suri Seri Begawan Hospital

Daerah Temburong - Klinik Selesma, PIHM Hospital, Temburong

Walau bagaimanapun, untuk sebarang kecemasan, individu-individu perlu menghubungi 991 atau pergi ke Bahagian Kecemasan di hospital-hospital kerajaan.

SYARAT-SYARAT SEBELUM KELUAR NEGARA

C.1	TUJUAN PERJALANAN
C.1.1	<p>Adakah saya dibenarkan untuk membuat perjalanan keluar negara atas tujuan bukan mustahak ("non-essential purpose")?</p>
	Perjalanan Udara
	<p>Individu-individu bolehlah membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam melalui perjalanan udara bagi apa jua tujuan.</p>
	Perjalanan Darat & Laut
	<p>Perjalanan rentas sempadan melalui darat dan laut hanya dibenarkan bagi perjalanan-perjalanan mustahak seperti yang disenaraikan berikut:</p> <ul style="list-style-type: none"> Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan membuat perjalanan darat dan laut bagi keadaan atau tujuan yang mendesak. Atas urusan pekerjaan, atau persekolahan dan dilartakan juga kepada perjalanan ulang alik (commute) atas tujuan tersebut. Perjalanan transit. Perkhidmatan-perkhidmatan kecemasan (seperti ambulans, polis dan tentera). Transport operators yang berdaftar di dalam dan luar negara bagi tujuan penghantaran bekalan impot dan eksport yang penting. Krew/petugas kapal laut yang membuat perjalanan laut atas urusan pekerjaan/mustahak. <p>Perjalanan tidak mustahak ("non-essential") melalui darat dan laut adalah masih tidak dibenarkan sehingga 31 Julai 2022 (hari Ahad).</p>

C.2	VAKSINASI COVID-19
C.2.1	<p>Apakah syarat vaksinasi COVID-19 bagi perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam?</p>
	Perjalanan Udara
	<p>Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang berumur 12 tahun dan ke atas dibenarkan untuk membuat perjalanan keluar negara jika telah mendapatkan:</p> <p>(i) 2 dos vaksinasi COVID-19 yang mana dos ke-2 diberikan tidak lebih dari 3 bulan yang lalu, ATAU</p> <p>(ii) Dos penggalak bagi vaksin COVID-19.</p> <p>Bagi individu yang berumur di bawah 12 tahun, mereka tidak dikehendaki untuk memenuhi syarat-syarat vaksinasi bagi perjalanan keluar negara.</p>
	Perjalanan Darat & Laut
	<p>Status vaksinasi COVID-19 tidak dipersyaratkan bagi perjalanan-perjalanan mustahak yang dikategorikan.</p>
C.2.2	<p>Saya telah lengkap divaksinasi. Walau bagaimanapun, saya belum mendapatkan dos penggalak bagi vaksin COVID-19. Adakah saya dibenarkan untuk membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam?</p>
	Perjalanan Udara
	<p>Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang berumur 12 tahun dan ke atas dibenarkan untuk membuat perjalanan keluar negara jika telah mendapatkan 2 dos vaksinasi COVID-19 yang mana dos ke-2 diberikan tidak lebih dari 3 bulan yang lalu.</p> <p>Jika dos ke-dua diterima lebih daripada 3 bulan sebelum tarikh berlepas, individu hendaklah mendapatkan dos penggalak sebelum meninggalkan negara ini.</p>
	Perjalanan Darat & Laut
	<p>Status vaksinasi COVID-19 tidak dipersyaratkan bagi perjalanan-perjalanan mustahak yang dikategorikan.</p>

C.2.3 **Saya tidak boleh divaksinasi atas sebab perubatan. Adakah saya dibenarkan untuk membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam?**

Perjalanan Udara

Individu-individu yang belum lengkap divaksinasi boleh membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam jika mempunyai Sijil Pengecualian* Perubatan bagi COVID-19 vaksinasi.

**Pengecualian boleh didapatkan daripada pusat-pusat kesihatan tertakluk kepada apajua alasan kesihatan yang ada, serta sebab-sebab lain yang dapat diberikan pengecualian daripada mendapatkan vaksinasi seperti telah disahkan dijangkiti COVID-19 dalam tempoh enam (6) minggu yang lalu.*

Perjalanan Darat & Laut

Status vaksinasi COVID-19 tidak dipersyaratkan bagi perjalanan-perjalanan mustahak yang dikategorikan.

C.3

UJIAN COVID-19

C.3.1 **Adakah individu yang akan membuat perjalanan keluar negara dikehendaki untuk menjalani ujian COVID-19 sebelum berlepas?**

Perjalanan Udara, Darat & Laut

Sila semak syarat-syarat perjalanan masuk ke negara destinasi yang berkenaan. Sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam, individu bolehlah menjalani ujian RT-PCR (jika dikehendaki oleh negara destinasi) di pusat-pusat kesihatan atau klinik swasta seperti berikut:

Klinik Noor Rohaya (Perjanjian Sahaja)

- No 1, Simpang 293, Jalan Pasir Berakas
- +673 2390282 / +673 8240282

Jerudong Park Medical Center (Perjanjian Sahaja)

- Jerudong Park Medical Center, Jerudong Park, BG3122
- +673 2611433

Panaga Health Center (Perjanjian Sahaja)

- Jalan Utara, Panaga, Seria KB2933
- +673 8876454

Klinik Dr Amir (Perjanjian Sahaja)

- No 204, Ground Floor, Bangunan Mohammad Yussof, KM2, Jalan Raja Isteri Pengiran Anak Saleha, BA1712, Bandar Seri Begawan
- +673 2336801 / +673 2222500 / +673 3337850

UNI Clinic (Perjanjian Sahaja)

- No 5, Simpang 490, Jalan Muara, Kg Sg Hanching, BC2115
- +673 2335403 / +673 7325403

Lee Clinic and Dispensaries (Perjanjian Sahaja)

- C-1, Abdul Razak Complex, Gadong Centrepont
- +673 2428428 / +673 8128128

Yong Clinic & Dispensary (Perjanjian Sahaja)

- No 27, Ground Floor Muhibbah Complex II, Jalan Gadong, BE3919
- +673 2424301

Kare Medical Clinic (Perjanjian Sahaja)

- Ground Floor, Block D, Unit 1, Kiarong Complex, Lebuhraya Sultan Hassanal Bolkiah, Kiarong BE1318
- +673 2455021 / +673 7305973 (WhatsApp)

C.Y.Lim Clinic (Perjanjian Sahaja)

- Block J, No. 16 Ground Floor, Abdul Razak Complex Gadong, BE3519
- +673 2449488 / +673 8913468

Bagi ujian ART, individu bolehlah menjalani ART (jika dikehendaki oleh negara destinasi) di pusat-pusat ART yang diiktiraf oleh Kementerian Kesihatan, Brunei Darussalam. Senarai pusat-pusat ART bolehlah didapati melalui pautan berikut:

<https://www.moh.gov.bn/Shared%20Documents/2019%20ncov/Pusat-pusat%20pesijilan%20ART%201%20December%202021.pdf>

C.4	KEBENARAN "EXIT APPROVAL"
C.4.1	<p data-bbox="212 221 1461 286">Adakah saya dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran "Exit Approval" sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam?</p> <p data-bbox="732 304 941 333" style="text-align: center;">Perjalanan Udara</p> <p data-bbox="212 351 1461 441">Individu tidak lagi dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran "Exit Approval" jika mereka berhasrat untuk meninggalkan Negara Brunei Darussalam melalui perjalanan udara. Walau bagaimanapun, mereka mesti mematuhi syarat-syarat kemasukan ke Negara Brunei Darussalam sepertimana lazimnya.</p> <p data-bbox="699 463 975 492" style="text-align: center;">Perjalanan Darat & Laut</p> <p data-bbox="212 510 1461 571">Individu dan kategori perjalanan yang memerlukan kebenaran Exit Approval sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam melalui darat & laut adalah seperti berikut:</p> <ul data-bbox="261 607 1461 1339" style="list-style-type: none"> • Rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam yang membuat perjalanan keluar negara atas sebab/keadaan terdesak seperti berikut: <ul style="list-style-type: none"> ○ Keperluan untuk menghadiri diri di luar negeri bagi sebutan kes atau perbicaraan atas perintah makanan luar negeri untuk menghadapi pertuduhan kes jenayah atau sebagai saksi (merangkumi jenayah di bawah Mahkamah Syariah atau Mahkamah Sivil) dengan pengesahan pihak berkenaan dalam atau luar negeri). ○ Keperluan untuk mendapatkan perkhidmatan rawatan perubatan di luar negeri yang mendesak dengan pengesahan Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam; ○ Melanjutkan pengajian di luar negara dengan pengesahan pihak berkenaan dalam atau luar negeri. Rakyat dan penduduk tetap juga dikehendaki untuk mendapatkan pengesahan melalui Jabatan Pengurusan Biasiswa, Kementerian Pendidikan, samada pengajian dibiayai oleh pihak Kerajaan mahupun lain-lain sumber pembiayaan; ○ Warganegara dan penduduk Brunei (pemegang Kad Pengenalan Kuning, Ungu dan Hijau) yang tinggal di luar Negara Brunei Darussalam dan berulang-alik untuk bekerja di negara ini melalui jalan darat ATAU sesiapa yang tinggal di negara ini dan berulang-alik untuk bekerja di luar negeri melalui jalan darat. ○ Sebab-sebab kepentingan kekeluargaan. • <i>Transport operators</i> yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam • Atas urusan pekerjaan, atau persekolahan dan perjalanan ulang alik (commute) atas tujuan tersebut. • Perjalanan transit • Krew/ anak kapal yang membuat perjalanan laut atas urusan mustahak/pekerjaan.
C4.2	<p data-bbox="212 1366 959 1395">Bagaimanakah cara memohon kebenaran "Exit Approval"?</p> <p data-bbox="732 1413 941 1442" style="text-align: center;">Perjalanan Udara</p> <p data-bbox="212 1460 1461 1550">Individu tidak lagi dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran "Exit Approval" jika mereka berhasrat untuk meninggalkan Negara Brunei Darussalam melalui perjalanan udara. Walau bagaimanapun, mereka mesti mematuhi syarat-syarat kemasukan ke Negara Brunei Darussalam sepertimana lazimnya.</p> <p data-bbox="699 1572 975 1601" style="text-align: center;">Perjalanan Darat & Laut</p> <p data-bbox="212 1619 1461 1680">Permohonan "Exit Approval" bagi perjalanan rentas sempadan melalui darat & laut hendaklah dihadapkan ke Jabatan Perdana Menteri melalui laman portal: www.pmo.gov.bn/travelportal.</p> <p data-bbox="212 1702 1461 1832">Permohonan hendaklah dihadapkan sekurang-kurangnya 5 hari kalender sebelum tarikh perjalanan. Sila pilih borang permohonan yang berkenaan dan memuatnaik dokumen-dokumen sokongan. Setiap permohonan akan diberikan kod rujukan dan keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui emel pemohon.</p>

C.5	PENDAFTARAN E-REGISTER
C.5.1	<p data-bbox="215 219 1460 286">Adakah saya perlu melengkapkan pendaftaran e-Register sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam?</p> <p data-bbox="657 302 1018 331" style="text-align: center;">Perjalanan Udara, Darat & Laut</p> <p data-bbox="215 347 1460 490">Bagi memudahkan untuk mendapatkan bantuan dalam keadaan kecemasan dan krisis, rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam adalah dikehendaki untuk melengkapkan pendaftaran secara dalam talian melalui sistem e-Register (http://www.mfa.gov.bn/Pages/eRegister.aspx) di laman sesawang Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri (KHELN) sebelum membuat perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam:</p>

SYARAT-SYARAT LAIN

D.1 INSURAN PERUBATAN PERJALANAN YANG MELIPUTI PERLINDUNGAN COVID-19

D.1.1 Adakah saya dikehendaki untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 sebelum berlepas ke Negara Brunei Darussalam?

Perjalanan Udara, Darat & Laut

Warganegara asing yang memasuki Negara Brunei Darussalam atas tujuan lawatan pendek yang mana tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam adalah kurang daripada 90 hari, adalah dikehendaki untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (perlindungan minimum BND\$20,000). Insuran hendaklah sah bagi tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam.

D.1.2 Adakah saya dikehendaki untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 sebelum meninggalkan Negara Brunei Darussalam?

Perjalanan Udara, Darat & Laut

Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan membuat perjalanan keluar negara atas tujuan lawatan pendek adalah dikehendaki untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 (perlindungan minimum BND\$20,000). Insuran hendaklah sah bagi tempoh kelamaan berada di negara asing.

D.1.3 Apakah minimum perlindungan yang dipersyaratkan bagi Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19?

Minimum perlindungan yang dipersyaratkan bagi Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 adalah sebanyak BND\$20,000.

D.1.4 Berapa lamakah tempoh perlindungan bagi Insuran Perubatan Perjalanan?

Tempoh perlindungan bagi Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 hendaklah sah bagi tempoh kelamaan berada di Negara Brunei Darussalam.

D.1.5 Siapakah yang dikecualikan daripada mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 sebelum berlepas ke/meninggalkan Negara Brunei Darussalam?

Individu-individu yang dikecualikan daripada diperlukan untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 adalah berikut:

1. Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan kembali ke Negara Brunei Darussalam.
2. Warganegara asing yang akan memasuki Negara Brunei Darussalam bagi tempoh jangka panjang atas tujuan bertugas, membuat pengajian atau sebagai tanggungan.
3. Rakyat dan penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan membuat perjalanan ke luar negara atas tujuan bertugas, melanjutkan pengajian, sebagai tanggungan; atau mempunyai visa/pas imigresen jangka panjang di negara destinasi.
4. Penduduk tetap Negara Brunei Darussalam yang akan membuat perjalanan ke negara kerakyatan.
5. Warga perkhidmatan awam yang membuat perjalanan atas tujuan rasmi yang dibiayai oleh pihak Kerajaan. Warga perkhidmatan awam hendaklah menunjukkan dokumen sokongan yang sah yang menyatakan mereka membuat perjalanan rasmi yang dibiayai oleh pihak kerajaan.

D.1.6 Bagaimanakah cara membeli Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 sebelum memasuki Negara Brunei Darussalam?

Awda bolehlah membeli Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 daripada syarikat insuran yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam dan luar negara. Senarai syarikat insuran yang menawarkan produk Insuran Perubatan Perjalanan bolehlah didapati:

<https://www.pmo.gov.bn/EPG/Perjalanan.aspx>

D.1.7 Adakah individu perlu menunjukkan bukti bahawa mereka telah membeli Insuran Perubatan Perjalanan (yang meliputi perlindungan COVID-19) sebelum membuat perjalanan masuk ke Negara Brunei Darussalam?

Ya, individu-individu yang dikehendaki untuk mendapatkan Insuran Perubatan Perjalanan yang meliputi perlindungan COVID-19 hendaklah mendapatkan sijil insuran berkenaan sebagai bukti sebelum membuat perjalanan masuk/keluar Negara Brunei Darussalam

Sijil insuran disediakan samaada dalam format digital atau salinan cetak ("*hard copy*") yang mana tertakluk kepada syarikat insuran atau takaful masing-masing.

D.1.8 Adakah Insuran Kumpulan bagi syarikat-syarikat diterima bagi kemasukan ke Negara Brunei Darussalam?

Ya, jika Insuran Kumpulan berkenaan meliputi perbelanjaan bagi perjalanan dan perubatan bagi COVID-19 dengan perlindungan minimum BND\$20,000. Ini adalah tertakluk kepada terma dan syarat-syarat perlindungan yang dinyatakan dalam dasar insuran atau takaful.

D.1.9 Saya membuat perjalanan ke Negara Brunei Darussalam bersama-sama keluarga saya. Adakah Kumpulan Insuran sedia ada?

Prosedur "Underwriting" adalah berlainan bagi setiap syarikat Insuran/Takaful. Pada dasarnya, individu hendaklah menunjukkan bukti pengenalan diri (seperti passport, dokumen perjalanan) untuk membeli insuran. Sila rujuk kepada Syarikat Insuran/Takaful awda.

Pengumuman lanjut akan dibuat jika ada produk baru diperkenalkan atau sebarang penambahbaikan dibuat kepada produk yang sedia ada.

D.1.10 Bagaimanakah saya menerima salinan sijil insuran?

Salinan sijil insuran diberikan dalam format digital atau salinan cetak ("*hard copy*") yang mana tertakluk kepada syarikat insuran atau takaful masing-masing.

D.1.11 Saya tidak mempunyai kad pengenalan Brunei. Adakah saya dapat membeli Insuran Perubatan Perjalanan daripada syarikat insuran yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam?

Prosedur "Underwriting" adalah berlainan bagi setiap syarikat Insuran/Takaful. Pada dasarnya, individu hendaklah menunjukkan bukti pengenalan diri (seperti passport, dokumen perjalanan) untuk membeli insuran. Sila rujuk kepada Syarikat Insuran/Takaful awda.

D.1.12 Apakah perlindungan yang diliputi di bawah Insuran Perubatan Perjalanan (yang meliputi perlindungan COVID-19)?

Perlindungan yang diberikan adalah berbeza bagi setiap Syarikat Insuran/Takaful. Pada dasarnya, individu akan diberikan manfaat-manfaat berikut, antarlainnya:

1. Manfaat bagi kecemasan perubatan dan pengangkutan kecemasan perubatan ("*Emergency Medical and Emergency Medical Transportation Benefits*");
2. Manfaat bagi perjalanan yang dibatalkan ("*Trip Cancellation Benefits*") – sebagai contoh, perjalanan dibatalkan disebabkan pejalan, ahli keluarga atau teman perjalanan ("*travel companion*") mempunyai penyakit yang berkaitan dengan COVID-19 atau dikehendaki untuk menjalani kuarantin.
3. Manfaat bagi perjalanan yang terganggu ("*Trip Interruption Benefits*")– sebagai contoh, perjalanan dibatalkan disebabkan pejalan, ahli keluarga atau teman perjalanan ("*travel companion*") mempunyai penyakit yang berkaitan dengan COVID-19 atau dikehendaki untuk menjalani kuarantin.
4. Manfaat bagi perjalanan yang tertangguh ("*Travel Delay Benefits*") – sebagai contoh, perjalanan dibatalkan disebabkan pejalan, ahli keluarga atau teman perjalanan ("*travel companion*") mempunyai penyakit yang berkaitan dengan COVID-19 atau dikehendaki untuk menjalani kuarantin.

Terma, syarat-syarat dan pengecualian akan dikenakan. Ketersediaan sokongan bagi perlindungan COVID-19 ("*Availability of COVID-19 coverage endorsement*"), termasuk manfaat yang khusus dan perlindungan adalah berlainan bagi setiap syarikat insuran atau takaful.

Produk mungkin tidak meliputi kesemua manfaat atau perlindungan yang dinyatakan di atas. Manfaat yang diberikan juga mungkin tidak menampung kos penuh kerugian. Manfaat insuran tertakluk kepada had maksimum liabiliti, yang mana tertakluk kepada sub-had dan maksimum harian. Sila teliti dasar insuran awda untuk memahami perlindungan yang diberikan dan had yang dikenakan.

D.1.13 Berapa lamakah permohonan Insuran akan diproses?

Prosedur "underwriting" adalah berlainan bagi setiap Syarikat Insuran/Takaful. Sila rujuk kepada Syarikat Insuran/Takaful awda.

D.1.14	Bagaimanakah cara membuat tuntutan daripada Syarikat Insuran atau Takaful jika saya disahkan positif COVID-19?
	Prosedur bagi membuat tuntutan adalah berbeza bagi setiap Syarikat Insuran atau Takaful. Pada dasarnya, individu akan diberikan talian dua puluh empat jam (24 jam) yang mana boleh dihubungi jika diperlukan. Sila rujuk kepada Syarikat Insuran / Takaful awda untuk maklumat lanjut atau sebarang pertanyaan.
D.1.15	Bagaimanakah cara memanjangkan tempoh perlindungan insuran?
	Permohonan bagi memanjangkan tempoh perlindungan insuran memerlukan sokongan ("endorsement"). Prosedur "underwriting" adalah berlainan bagi setiap Syarikat Insuran/Takaful. Sila rujuk kepada Syarikat Insuran/Takaful awda.

D.2	DOKUMEN
D.2.1	Apakah dokumen-dokumen yang perlu saya kemukakan bagi perjalanan masuk / perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam?
	Perjalanan Udara, Darat & Laut
	Awda hendaklan mengemukakan dokumen-dokumen sepertimana yang dikehendaki untuk mengikut kategori perjalanan masuk atau perjalanan keluar Negara Brunei Darussalam bagi perjalanan udara, darat dan laut. Sila rujuk Garispanduan dan Infografik bagi perjalanan udara, darat dan laut yang mana boleh didapati melalui: http://www.pmo.gov.bn/travelportal/Home.aspx dan https://www.pmo.gov.bn/EPG/infografik.aspx

D.3	TRANSPORT OPERATORS
D.3.1	Adakah Transport Operators dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran "Exit Approval" bagi membuat perjalanan rentas sempadan melalui darat atau laut?
	Perjalanan Darat & Laut
	<i>Transport operators</i> yang berdaftar di Negara Brunei Darussalam bolehlah menghadapkan permohonan "Exit Approval" bagi perjalanan rentas sempadan melalui darat & laut kepada Jabatan Perdana Menteri melalui laman portal: www.pmo.gov.bn/travelportal . Permohonan hendaklah dihadapkan sekurang-kurangnya 5 hari kalender sebelum tarikh perjalanan. Sila pilih borang permohonan yang berkenaan dan memuatnaik dokumen-dokumen sokongan. Setiap permohonan akan diberikan kod rujukan dan keputusan permohonan akan dimaklumkan melalui emel pemohon.
D.3.2	Adakah Transport Operators dikehendaki untuk menjalani ujian saringan ART berjadual?
	Perjalanan Darat & Laut
	Ujian saringan ART berjadual bagi <i>Transport Operators</i> adalah dihentikan. Walaubagaimanapun, mereka disarankan untuk membuat ujian ART sendiri dari masa ke semasa dan jika mempunyai simptom jangkitan atau menjadi kontak rapat kepada kes positif.

D.4	LAIN-LAIN
D.4.1	<p data-bbox="213 221 1177 255">Adakah had masa bagi perjalanan rentas sempadan melalui darat atau laut?</p> <p data-bbox="699 271 976 304" style="text-align: center;">Perjalanan Darat & Laut</p> <p data-bbox="213 324 1417 356">Individu/<i>Transport Operators</i> tidak lagi dikehendaki untuk mematuhi had masa bagi setiap perjalanan.</p>
D.4.2	<p data-bbox="213 378 1461 472">Adakah individu/<i>Transport Operators</i> dikehendaki untuk mendapatkan kebenaran / permit / sokongan yang diperlukan sebelum meneruskan perjalanan rentas sempadan melalui darat dan laut?</p> <p data-bbox="699 504 976 537" style="text-align: center;">Perjalanan Darat & Laut</p> <p data-bbox="213 562 1461 651">Ya, Individu/ <i>Transport Operators</i> hendaklah terlebih dahulu mendapatkan kebenaran / permit / sokongan yang diperlukan daripada agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan. Sila semak syarat-syarat dan prosedur yang ditetapkan oleh agensi-agensi Kerajaan yang berkenaan.</p>
D.4.3	<p data-bbox="213 678 798 712">Apakah Caj Bayaran Masuk dan Keluar (CaP)?</p> <p data-bbox="737 732 938 766" style="text-align: center;">Perjalanan Darat</p> <p data-bbox="213 790 1461 938">Mana-mana individu yang hendak keluar dari atau masuk ke Negara Brunei Darussalam melalui pos-pos kawalan darat sama ada menggunakan kenderaan ataupun berjalan kaki (pedestrian) akan dikenakan Caj Perkhidmatan yang mana kadar caj adalah sebanyak BND\$3.00 seorang bagi setiap satu hala perjalanan. Permohonan hendaklah dihadapkan melalui <i>Exit and Entry System</i> (EES), Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang boleh di akses- melalui https://login.bdnsw.gov.bn/ees</p>